

15 APR 2001

AGONG DAN PM HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA DENMARK

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengutus ucapan tahniah kepada Ratu Margrethe II Denmark sempena ulangtahun keputeraan baginda.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar di sini, Seri Paduka Baginda mendoakan supaya Ratu Margrethe dikurniakan kesihatan yang baik serta keamanan dan kemakmuran rakyat Denmark.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Poul Nyrup Rasmussen berkata beliau yakin hubungan dua hala antara Malaysia dan Denmark akan terus diperkukuhkan di bawah kepimpinan Rasmussen.

"Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada anda dan rakyat Denmark, semoga dikurniakan keamanan dan kemakmuran yang berterusan," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Mogens Lykketoft.

-- BERNAMA

ZAI ES LAT